



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Sultan Badlishah
Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani



LAPORAN
TAHUNAN 2021

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UiTM CAWANGAN KEDAH





Hakcipta terpelihara © 2021 Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Perpustakaan, Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Cawangan Kedah, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

Editor : Azizah Khasim
Reka bentuk kulit buku : Zakaria Muhamad
Susunatur : Zakaria Muhamad

Cetakan oleh : Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah,
08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

eISSN 2811-3861



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN	1
LATAR BELAKANG	3
FALSAFAH, VISI, MISI DAN OBJEKTIF	5
PIAGAM PELANGGAN	10
TADBIR URUS PERPUSTAKAAN	14
PENGURUSAN PERPUSTAKAAN	21
CARTA ORGANISASI	25
PENCAPAIAN BAHAGIAN	27
PERLAKSANAAN AKTIVITI PERKHIDMATAN 2021	41

The background is a dark blue-grey color. In the corners, there are decorative geometric patterns in a lighter shade of blue-grey. These include circular motifs with concentric lines and rectangular shapes with parallel lines, resembling stylized architectural or mechanical details.

PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN



PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Laporan Tahunan Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) 2021 dapat diterbitkan lagi.

Tahun 2021 telah menunjukkan pencapaian yang lebih baik dari tahun 2020 di mana penyampaian perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan sudah dapat dijalankan secara bersemuka selepas negara dan seluruh dunia diuji dengan serangan virus COVID.

Perpustakaan Sultan Badlishah masih mengekalkan kecemerlangan dengan berada di tempat pertama dalam pencapaian perancangan strategik PUiTM. Juga telah meningkatkan peratusan pencapaian berbanding tahun sebelumnya.

Saya yakin, PSB akan sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memberi fokus dalam memberi sokongan kepada pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta inovasi serta memanfaatkan kepakaran dan fasiliti yang ada demi memastikan warga UiTM Cawangan Kedah dan masyarakat sekitar menerima perkhidmatan yang terbaik dan menyeluruh.

Bagi pihak perpustakaan, sukacita saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga PSB kerana sentiasa menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh integriti. Semoga PSB terus mengecapi kecemerlangan dan berusaha memberikan yang terbaik kepada UiTM.



Azizah Khasim
Timbalan Ketua Pustakawan

The background is a dark blue-grey color. In the corners, there are decorative geometric patterns in a lighter shade of blue-grey. These include circular arcs, concentric circles, and angular shapes that resemble stylized architectural or mechanical details.

LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG

Perpustakaan merupakan nadi dalam menyokong kesarjanaan dan pengembangan pendidikan warga universiti. Pelbagai koleksi dan kemudahan ditawarkan kepada pengguna bagi menyokong aktiviti pembelajaran dan kecemerlangan penyelidikan. Demi memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi keperluan pengguna dan perpustakaan terus kekal relevan di era letusan maklumat, Perpustakaan Sultan Badlishah telah memantapkan tadbir urus dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan penyediaan perkhidmatan maklumat seiring dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran secara Open & Distance Learning (ODL).

Sehubungan itu, perpustakaan mengambil Langkah proaktif sebagai enabler ataupun penggerak bagi memastikan kehendak dan keperluan maklumat warga universiti dapat dipenuhi. Pelbagai inisiatif Pembelajaran dan Pengajaran secara atas talian dilaksanakan melalui Perkhidmatan Perpustakaan Digital secara 24/7 bagi tahun 2021. Seiring dengan tema Perpustakaan UiTM pada tahun 2021 iaitu "Perpustakaan Digital Pemangkin Kesarjanaan" ianya sangat bertepatan melambangkan peranan dan kepentingan perpustakaan kepada pendidikan di universiti.

Transformasi Perpustakaan Digital telah dibuat pemetaan kepada tiga teras perpustakaan digital iaitu digital service, digital collection, dan digital process. Sistem pembelajaran ODL telah mengubah kaedah penyampaian perkhidmatan PUiTM kepada pelanggan. Persediaan PUiTM bagi menyokong keperluan pengajaran dan pembelajaran ini telah melibatkan empat komponen penting iaitu People, Process, Resources dan Technology.



The background is a dark blue-grey color. In the corners, there are decorative geometric patterns. Top-left: A small circle with a dashed border and a solid inner circle, next to a series of parallel diagonal lines. Top-right: A large circular arc with a dashed border and a solid inner circle, next to a series of parallel diagonal lines. Bottom-left: A large circular arc with a dashed border and a solid inner circle, next to a series of parallel diagonal lines. Bottom-right: A small circle with a dashed border and a solid inner circle, next to a series of parallel diagonal lines.

FALSAFAH, VISI, MISI DAN OBJEKTIF

FALSAFAH, VISI, MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FALSAFAH

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

DASAR, MISI DAN OBJEKTIF PERPUSTAKAAN

DASAR

Dasar Perpustakaan UiTM adalah untuk memenuhi Teras UiTM dalam pengajaran & pembelajaran, penyelidikan inovasi & pengkomersialan, akademik industri & masyarakat, kepemimpinan dan keusahawanan menerusi pengurusan perpustakaan, pembangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repositori institusi universiti dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti.

MISI

Pemangkin kepada warga UiTM yang berilmu melalui pengaksesan maklumat yang komprehensif, relevan dan terkini serta kemudahan yang berkualiti bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

DASAR, MISI DAN OBJEKTIF PERPUSTAKAAN

OBJEKTIF

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan UiTM sebagai pusat kecemerlangan maklumat yang sentiasa kekal relevan, dirujuk dan dihormati.
- Mempelbagai sumber ilmu yang komprehensif, terkini dan relevan meliputi pelbagai format yang dapat diakses secara fizikal dan maya.
- Menyediakan kemudahan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- Menambah baik kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang berfokuskan kepada keperluan pelanggan.
- Memperkasakan modal insan melalui Budaya PERDANA dalam kalangan warga PUITM.
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar dalam kegiatan jaringan industri.

DASAR KUALITI & NILAI PERPUSTAKAAN

DASAR KUALITI

Perpustakaan UiTM beriltizam mengurus dan memberi perkhidmatan secara profesional serta mengamalkan penambahbaikan berterusan bagi memenuhi keperluan pelanggan.

NILAI

- Mengamalkan kualiti piawai dalaman yang standard bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pemegang taruh.
- Bekerjasama rapat untuk memaksimumkan produktiviti yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat.
- Memupuk nilai kejujuran, hormat dan ketelusan untuk mencapai standard profesionalisme yang tinggi.

The background is a dark blue-grey color. In the top-left corner, there is a small circular pattern and some parallel lines. In the top-right corner, there is a large circular pattern with a dashed inner ring and solid outer ring. In the bottom-left corner, there is a large circular pattern with a dashed inner ring and solid outer ring. In the bottom-right corner, there is a small circular pattern and some parallel lines.

PIAGAM PELANGGAN PERPUSTAKAAN

PIAGAM PELANGGAN PERPUSTAKAAN

JABATAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

- Memastikan prestasi kepuasan perkhidmatan kaunter pelanggan pada tahap 90%.
- Memastikan setiap judul buku baharu yang diterima dimaklumkan di dalam New Arrivals pada setiap minggu.
- Bahan Pinjaman Antara Perpustakaan dibekalkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan.
- Memastikan kelas kemahiran maklumat yang berstatus lulus dilaksanakan mengikut permohonan yang diterima.
- Memastikan maklumbalas perkhidmatan Chat With Librarian (Response Waiting Time Lib Chat) tidak melebihi 5 minit.
- Memastikan semakan dan verifikasi rekod penerbitan yang didaftarkan di sistem PRISMa dilaksanakan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja setelah didaftarkan.
- Memastikan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan diberikan maklumbalas segera dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

PIAGAM PELANGGAN PERPUSTAKAAN

JABATAN ARKIB UNIVERSITI

- Memastikan permohonan rujukan bahan Arkib Universiti disediakan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
- Memastikan tempahan bahan Online Finding Archive (OFA) disediakan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
- Memastikan kelulusan muat naik bahan dalam Archive Management System diperolehi dalam tempoh tiga (3) tiga hari bekerja.

JABATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

- Memastikan Perkhidmatan Perpustakaan Digital beroperasi 24/7.
- Memastikan permohonan teks penuh bahan Repositori Universiti boleh diakses dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh permohonan

PIAGAM PELANGGAN PERPUSTAKAAN

JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

- Memastikan pembayaran perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerj-kerja dilakukan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh penerimaan inbois.
- Memastikan status kelulusan cadangan perolehan bahan baharu (buku bercetak / jurnal bercetak / eBook / PDAT / eJurnal) dimaklumkan kepada pencadang dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas dibentangkan dalam Jawatankuasa Kelulusan Pembelian Buku dan Majalah PTAR.

JABATAN PENTADBIRAN ORGANISASI

- Memastikan setiap dasar PTAR yang diluluskan (MPE/MEU/LPU) dibuat hebahan kepada warga perpustakaan UiTM dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
- Memastikan pemakluman tawaran kursus dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja selepas kelulusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

The background is a dark blue-grey color. In the corners, there are light grey geometric patterns. Top-left: a small circle with a dashed border and a larger shape with diagonal lines. Top-right: a large circular arc with a dashed border and a small rectangular shape. Bottom-left: a large circular arc with a dashed border and a small rectangular shape. Bottom-right: a small circle with a dashed border and a larger shape with diagonal lines.

TADBIR URUS PERPUSTAKAAN


TADBIR URUS PERPUSTAKAAN



Dari segi perundangan tadbir urus, asas penyediaan adalah berdasarkan kepada Akta Universiti Teknologi MARA 1976(Akta 173). Tadbir urus perpustakaan berlandaskan kepada Dasar Perpustakaan UiTM iaitu bagi memenuhi Teras UiTM dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan inovasi & pengkomersialan, akademia industri & masyarakat, kepimpinan & keusahawanan menerusi pengurusan perpustakaan, pembangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repository institusi dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti.

Perlaksanaan tadbir urus perpustakaan UiTM berdasarkan kepada empat objektif utama iaitu :

- Memastikan dasar dan polisi perpustakaan mendapat mandat sepenuhnya oleh Senat dalam mencapai hala tuju strategik universiti.
- Membangunkan sumber ilmu yang komprehensif melalui bahan bercetak dan elektronik bagi memenuhi keperluan program universiti.
- Mempertingkatkan keberkesanan dan keyakinan pelanggan terhadap sistem penyampaian perpustakaan.
- Mempertingkatkan ketampakan (visibility) bahan harta intelek universiti.



TADBIR URUS PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH PERINGKAT OPERASI

4 Jawatankuasa Utama Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Cawangan Kedah

BIL	NAMA JAWATANKUASA	PENGERUSI	SETIAUSAHA	SEKRETATIAAT
1	Jawatankuasa Pengurusan Dalam Perpustakaan Sultan Badlishah	Ketua Perpustakaan	Pembantu Pustakawan Kanan	Unit Pentadbiran Organisasi PSB
2	Jawatankuasa Kelulusan Pembelian Buku & Majalah PSB	Timbalan Rektor HEA	Pustakawan Kanan	Unit Pesanan Bahan
3	Jawatankuasa Pemilihan Vendor	Timbalan Rektor HEA	Pustakawan Kanan	Unit Pesanan Bahan
4	Jawatankuasa QE/SS	Ketua Perpustakaan	Pembantu Pustakawan Kanan	Unit Pentadbiran & Kualiti



Tadbir Urus Perpustakaan UiTM Cawangan Kedah adalah di peringkat operasi sahaja. Ianya adalah terdiri daripada empat (4) Jawatankuasa Utama :

- Jawatankuasa Pengurusan Dalam Perpustakaan Sultan Badlishah
- Jawatankuasa Kelulusan Pembelian Buku & Majalah Perpustakaan Sultan Badlishah
- Jawatankuasa Pemilihan Vendor Perpustakaan Sultan Badlishah
- Jawatankuasa QE/SS Perpustakaan Sultan Badlishah

JAWATANKUASA PENGURUSAN DALAMAN PERPUSTAKAAN

Jawatankuasa Pengurusan Dalaman Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

Bahagian A	Pengesahan Minit Mesyuarat Perkara Berbangkit
Bahagian B	Hal Ehwal Pentadbiran Organisasi/ Perancangan Strategik & Kualiti
Bahagian C	Hal Ehwal Perancangan dan Pembangunan Perpustakaan
Bahagian D	Hal Ehwal Perkhidmatan Perpustakaan
Bahagian E	Hal Ehwal Perkhidmatan Perpustakaan Digital
Bahagian F	Hal Ehwal Pengurusan Arkib Cawangan
Bahagian G	Lain-lain Hal

Agenda Mesyuarat

Keahlian Perpustakaan Cawangan Kedah

Pengerusi :
Ketua Perpustakaan

Ahli :
Semua Pegawai Pengurusan &
Profesional (perpustakaan)

Setiausaha :
Pembantu Pustakawan Kanan

Sekretariat :
Pentadbiran Organisasi PSB



JAWATANKUASA PEMILIHAN VENDOR PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

**Jawatankuasa Pemilihan Vendor Bagi Buku & Majalah
Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah**

Keahlian Perpustakaan Cawangan Kedah

Pengerusi :
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik

Ahli :
Ketua Perpustakaan
Timbalan Bendahari

Setiausaha :
Pustakawan Kanan

Sekretariat :
Unit Pesanan Bahan

Bahagian A

Pengesahan Minit Mesyuarat
Perkara Berbangkit

Bahagian B

Laporan Pembekalan Buku /
Majalah

Bahagian C

Pemilihan Vendor Mengikut
Fakulti / Jabatan

Bahagian D

Pemilihan Vendor Majalah

Bahagian E

Laporan Prestasi
Perbelanjaan buku / majalah /
akhbar

Bahagian F

Hal-hal Lain

Agenda Mesyuarat



JAWATANKUASA KELULUSAN PEMBELIAN BUKU & MAJALAH PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Jawatankuasa Kelulusan Pembelian Buku & Majalah Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

Bahagian A	Pengesahan Minit Mesyuarat Perkara Berbangkit
Bahagian B	Pemilihan dan Kelulusan Buku Fakulti Perakaunan
Bahagian C	Pemilihan dan Kelulusan Buku Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
Bahagian D	Pemilihan dan Kelulusan Buku Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
Bahagian E	Pemilihan dan Kelulusan Buku Fakulti Pengurusan & Pemasaran
Bahagian F	Pemilihan dan Kelulusan Buku Fakulti Sains Komputer & Matematik
Bahagian G	Pemilihan dan Kelulusan Buku Fakulti Pengurusan Maklumat
Bahagian H	Pemilihan dan Kelulusan Buku Fakulti Undang-undang
Bahagian I	Pemilihan dan Kelulusan Buku Akademi Pengajian Bahasa
Bahagian J	Pemilihan dan Kelulusan Buku Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Bahagian K	Pemilihan dan Kelulusan Buku Bacaan Umum
Bahagian L	Pemilihan dan Kelulusan Pembelian Majalah/Jurnal

**Keahlian
Perpustakaan
Cawangan Kedah**

Pengerusi :
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik

Ahli :
Ketua Perpustakaan
Semua Ketua Pusat Pengajian

Setiausaha :
Pustakawan Kanan

Sekretariat :
Unit Pesanan Bahan

JAWATANKUASA QE/SS PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Jawatankuasa QE/SS Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

Keahlian Perpustakaan Cawangan Kedah

Pengerusi :
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik

Ahli :
Ketua Perpustakaan
Timbalan Bendahari

Setiausaha :
Pustakawan Kanan

Sekretariat :
Unit Pesanan Bahan

Bahagian A	Pengesahan Minit Mesyuarat Perkara Berbangkit
Bahagian B	Pelaporan Jawatankuasa Induk
Bahagian C	Pelaporan Jawatankuasa Audit
Bahagian D	Pelaporan Jawatankuasa Promosi
Bahagian E	Pelaporan Jawatankuasa Inovasi
Bahagian F	Pelaporan Jawatankuasa Latihan
Bahagian G	Pelaporan Ketua Zon A
Bahagian H	Pelaporan Ketua Zon B
Bahagian I	Pelaporan Ketua Zon C
Bahagian J	Hal-hal Lain

Agenda Mesyuarat



The background is a dark blue-grey color. In the corners, there are light grey geometric patterns. Top-left: a small circle with a dashed border and a larger shape with diagonal lines. Top-right: a large circular arc with a dashed border and a small square. Bottom-left: a large circular arc with a dashed border and a small square. Bottom-right: a small circle with a dashed border and a larger shape with diagonal lines.

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH



PENGURUSAN PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

UNIT PENTADBIRAN

- Muzammil Mohd Mustaffa
- Hamidah Mohd

UNIT SUMBER BERCETAK

- Muhamad Azrul Ayob
- Mazuriah Ahmad
- Noor Azlina Hamzah
- Noor Azlina Mat Esoff

UNIT PERKHIDMATAN PELANGGAN

- Faizul Zaman Sebudin
- Shazmie Huzni Mohd Sidik

UNIT ARKIB CAWANGAN

- Rozaini Yahaya
- Mohd Rostam Mohamad @
Ahmad
- Mohammad Ameerul Mohd Isa

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- Zakaria Muhamad

UNIT PENYELIDIKAN, PEMBELAJARAN & RUJUKAN

- Norismaliza Che Don
- Hasrizal Md Hasan
- Rosdi Hamad Rodzi

UNIT PEMBELAJARAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

- Mat Asri Baharom
- Omar Zainol

UNIT APLIKASI DIGITAL & SUMBER PENDIDIKAN TERBUKA

- Mohd Amin Zainol

The background is a dark blue-grey color. In the corners, there are decorative geometric patterns in a lighter shade of blue-grey. These include circular arcs, concentric circles, and rectangular shapes with internal lines, resembling stylized architectural or mechanical details.

CARTA ORGANISASI





PENCAPAIAN BAHAGIAN




PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PERPUSTAKAAN

Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM mempunyai tiga(3) Petunjuk Prestasi Utama dan empat puluh tujuh(47) Petunjuk Prestasi. Namun bagi Perpustakaan UiTM Cawangan Kedah terdapat 32 Petunjuk Prestasi yang perlu dicapai mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Penetapan sasaran yang perlu dicapai ini adalah berdasarkan :

- Jumlah pelajar & kakitangan di setiap cawangan
- Jumlah perpustakaan yang ada di setiap cawangan
- Pencapaian tahun sebelum
- Sasaran peratusan yang sama bagi semua perpustakaan cawangan

Lima(5) Agenda Teras dalam penyampaian perkhidmatan ini telah dibuat penetapan petunjuk prestasi di mana lima(5) agenda teras tersebut adalah:

- Perkhidmatan
- Perancangan dan Pembangunan Perpustakaan
- Perpustakaan Digital
- Arkib Universiti
- Pentadbiran Perpustakaan



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PERPUSTAKAAN

Petunjuk Prestasi Utama

KPI DIRECTOR	KPI NO	KEY PERFORMANCE INDICATOR	OPERATIONAL DEFINITION	SASARAN
Strategic Thrust 1: Quality Education	1	Bilangan Muat Turun Bahan Rujukan Digital oleh Warga UiTM	1. Muat Turun PDAT 2. Muat Turun e-Book 3. Muat Turun Bahan IR 4. Muat Turun Koleksi Khazanah Melayu 5. Muat Turun EQPS 6. Muat Turun Bahan Arkib 7. Muat Turun e-lib 8. Muat Turun article indexing	7.9 Juta
Strategic Thrust 2: Global Excellence	2	Penarafan UiTM Ranking Web of Repositories	Memperolehi kedudukan Top 200 in Ranking Web of Repositories Worldwide	Top 200 Worldwide
Strategic Thrust 3: Value-Driven Performance	3	Bilangan pengunjung maya Perpustakaan UiTM	Bilangan session dari Google Analytic bagi komponen perpustakaan digital UiTM	4.0 Juta


Impak Petunjuk Prestasi Utama

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	IMPAK
1. Bilangan Muat Turun Bahan Rujukan Digital Oleh Warga UiTM	Perpustakaan UiTM menyediakan bahan rujukan untuk Open and Distance Learning kepada warga UiTM yang boleh diakses melalui Perpustakaan Digital Anyone, Anywhere dan Anytime
2. Penarafan UiTM Ranking Web Of Repositories	- Visibiliti UiTM dan Perpustakaan UiTM diperingkat Antarabangsa - Institutional Repositori PUIITM dirujuk oleh pengguna dari luar Negara Mencipta sinergi Bersama Komuniti Antarabangsa melalui program yang dianjurkan oleh PUIITM (FbLive)
3. Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan UiTM	- Perkhidmatan perpustakaan diteruskan melalui Perpustakaan Digital semasa Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (Mac 2020) - Perpustakaan kekal relevan - Fasa tranformasi digital Perpustakaan UiTM (Fasa 6 2020 – 2025) berjaya dilaksanakan.

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PERKHIDMATAN

Terdapat 12 Petunjuk Prestasi bagi Perkhidmatan iaitu:

- PI 1 : Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan
- PI 2 : Bilangan Pinjaman Bahan Perpustakaan
- PI 3 : Bilangan Konsultasi Penyelidikan dan Rujukan
- PI 4 : Bilangan Peserta Kelas Kemahiran Maklumat
- PI 5 : Bilangan Selective Dissemination Information (SDI)
- PI 6 : Bilangan Hebahan Promosi Perpustakaan
- PI 7 : Bilangan Pameran Perpustakaan
- PI 8 : Bilangan Program Library Outreach
- PI 9 : Bilangan Penerbitan Rasmi Perpustakaan
- PI 10 : Bilangan Program Siaran Langsung
- PI 11 : Bilangan Pelaksanaan Program Read@UiTM
- PI 12 : Bilangan Penulisan Staf Perpustakaan



NO. PI	PI 1	PI 2	PI 3	PI 4	PI 5	PI 6	PI 7	PI 8	PI 9	PI 10	PI 11	PI 12
SASARAN	5400	5,400	1,444	5,568	24	1,800	6	2	170	4	4	1
CAPAI	5,553	5,537	1,674	12,444	24	131.06	9	3	221	4	7	2

Kesemua dua belas (12) sasaran Petunjuk Prestasi Perkhidmatan 2021 telah berjaya dicapai dan melebihi pencapaian tahun 2020 terutama sekali bagi PI 1 dan PI 2 di mana pada tahun 2020 kedua-duanya tidak tercapai.

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PERKHIDMATAN

Impak Petunjuk Prestasi Perkhidmatan

PETUNJUK PRESTASI	IMPAK
1. Bilangan Pengunjung fizikal perpustakaan	1. Penggunaan ruang/kemudahan perpustakaan yang minimum 2. Kesan dari aspek agihan tugas kepada staf kaunter/shelving 3. Kesan terhadap pinjaman bahan perpustakaan 4. Penjimatan tenaga elektrik (ruang pengguna)
2. Bilangan pinjaman bahan perpustakaan (inisiatif : Book Delivery Service pinjaman berjumlah 456 di Shah Alam)	1. Meningkatkan bilangan judul Highest Hits/lowest hits/zero hits 2. Kesan terhadap pengunjung fizikal perpustakaan
3. Bilangan konsultasi penyelidikan dan rujukan di perpustakaan	1. Pembelajaran sepanjang hayat : Literasi skill yang diberikan dalam program Pendidikan pengguna PTAR mampu melahirkan warga mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat 2. Meningkatkan tahap literasi dikalangan warga UiTM (mengekan penularan berita palsu) 3. Meningkatkan rujukan terhadap bahan yang disediakan oleh perpustakaan (buku bercetak, eBook, PDAT, kandungan Tempatan, Repositori Institusi, dan lain-lain)
4. Bilangan peserta bagi Kelas Kemahiran Maklumat	4. Menghasilkan penulisan atau kertas kerja yang berkualiti 5. Melahirkan pakar rujuk dikalangan staf PUITM


PETUNJUK PRESTASI	IMPAK
5. Bilangan Selective Dissemination Information	PUITM cakna terhadap perkembangan semasa yang berlaku dalam universiti (penyediaan artikel bagi topik-topik terkini yang diperlukan oleh ahli Senat)
6. Bilangan Hebahan Promosi	1. Meningkatkan ketampakan Perkhidmatan/koleksi perpustakaan 2. Meningkatkan pengunjung perpustakaan (Maya atau Fizikal) 3. Meningkatkan pinjaman bahan, dan rujukan bahan digital perpustakaan
7. Bilangan Pameran Perpustakaan	4. Mewujudkan sinergi antara Perpustakaan dan Fakulti/Pusat tanggungjawab/Agensi dalam dan luar UiTM 5. Membantu perpustakaan dalam memenuhi keperluan pengguna (library outreach) 6. Meningkatkan kepuasan pengguna (mendapat hebahan terkini) 7. Meningkatkan tahap sensitiviti perpustakaan terhadap sesuatu isu/perkara yang berlaku (pameran bertema)
8. Bilangan Library Outreach	
9. Bilangan penerbitan rasmi perpustakaan	1. Meningkatkan ketampakan perpustakaan 2. Meningkatkan kemahiran penulisan dikalangan staf perpustakaan

PETUNJUK PRESTASI	IMPAK
10. Bilangan Program siaran langsung	1. Meningkatkan pengetahuan warga UiTM berkaitan sesuatu topik pilihan (Kupasan topik-topik yang terkini) 2. Meningkatkan imej PTAR 3. Melahirkan pakar rujuk dalam pengendalian program Live
11. Bilangan Pelaksanaan Program Read@UiTM	Menyokong kepada Program KL WBC/Dekad Membaca Kebangsaan
12. Bilangan penulisan staf Perpustakaan UiTM	1. Memperkasa peranan Pustakawan sebagai Scholar Librarian 2. Meningkatkan kompetensi staf dalam pengendalian Program Pendidikan Pengguna 3. Meningkatkan kompetensi staf dalam bidang penulisan 4. Meningkatkan imej perpustakaan UiTM

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

Sebanyak 8 Petunjuk Prestasi telah ditetapkan bagi Perancangan dan Pembangunan Perpustakaan iaitu:

- PI 13 : Bilangan Perolehan Buku Bercetak (judul)
- PI 14 : Bilangan Penerimaan Bahan Harta Intelek
- PI 15 : Peratus Bahan Silibus Sedia Ada
- PI 16 : Peratus Bahan Silibus Baharu
- PI 17 : Bilangan Penerimaan Bahan Kandungan Tempatan
- PI 18 : Bilangan Perolehan eBook (judul)
- PI 19 : Bilangan Muat Turun Pangkalan Data Atas Talian
- PI 20 : Bilangan Muat Turun eBook



NO. PI	PI 13	PI 14	PI 15	PI 16	PI 17	PI 18	PI 19	PI 20
SASARAN	357	708	100%	100%	330	16	486,493	27,331
CAPAI	303	709	98.25%	98.67%	430	50	536,341	44,054

Daripada 8 sasaran Petunjuk Prestasi yang ditetapkan hanya 5 sasaran Petunjuk Prestasi yang berjaya dicapai. Namun baki 3 lagi sasaran Petunjuk Prestasi yang tidak dicapai itu masih menunjukkan pencapaian yang baik iaitu pencapaian 84.87% bagi PI 13, pencapaian 98.25% bagi PI 15 dan pencapaian 98.67% bagi PI 16. Faktor yang menyumbang kepada ketidakcapaian ini adalah faktor di luar kawalan iaitu berkaitan prestasi pembekalan bahan oleh vendor buku.

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

Impak Petunjuk Prestasi Perancangan Dan Pembangunan Perpustakaan

PETUNJUK PRESTASI	IMPAK
13. Bilangan Perolehan Buku Bercetak 14. Bilangan perolehan eBook	1. Prestasi Kewangan Perpustakaan UITM : Perolehan yang tidak mencapai sasaran akan memberikan kesan negatif kepada prestasi kewangan semasa dan agihan peruntukan tahun hadapan kepada Perpustakaan UITM 2. Bahan Rujukan : Menjejaskan penyediaan bahan rujukan terkini mengikut silibus yang diluluskan JKIKU 3. Penarafan : Skor Penarafan MyRa / Akreditasi / MQA Menjejaskan penarafan (tiada penambahan judul baharu/terkini) 4. Pengunjung : Menjejaskan pengunjung fizikal (buku bercetak) dan Pengunjung maya (eBook) 5. Prestasi PI ini akan memberi kesan kepada PI Bilangan Muat Turun eBook dan Jumlah PI Bilangan Pinjaman Bahan Perpustakaan
15. Bilangan penerimaan harta intelek	1. Penarafan Ranking Web Of Repositories 2. Ketampakan hasil ilmiah UITM 3. Pengunjung maya (Local Content Hub)
16. Peratus bahan silibus sedia ada 17. Peratus bahan silibus baharu	1. Tidak mencapai penyediaan 100% bahan silibus UITM (Perak 94.83%) 2. Menjejaskan pengunjung fizikal (buku silibus bercetak) dan Pengunjung maya (silibus eBook) 4. Prestasi PI ini akan memberi kesan kepada PI Bilangan Muat Turun eBook dan Jumlah PI Bilangan Pinjaman Bahan Perpustakaan

PETUNJUK PRESTASI	IMPAK
18. Bilangan Penerimaan kandungan tempatan	1. Kepelbagaian bahan rujukan tempatan bagi fakulti yang berkaitan 2. Pengunjung maya (Local Content Hub)
19. Bilangan Muat turun PDAT 20. Bilangan Muat Turun eBook	1. Kos Per Penggunaan : Muat turun yang tinggi akan mengurangkan kos per muat turun bagi eBook/PDAT dan memberi kesan kepada Pualangan Atas Langganan/Perolehan Sumber Elektronik 2. Pengunjung maya 3. Rujukan ilmiah yang berindeks (scholarly publication) 4. Penghasilan penulisan yang diindeks

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PERPUSTAKAAN DIGITAL

Penetapan Petunjuk Prestasi bagi Perpustakaan Digital untuk Perpustakaan UiTM Cawangan hanya 2 sahaja iaitu:

- PI 24 : Bilangan Pageview Portal Perpustakaan
- PI 26 : Bilangan Bahan Harta Intelek Yang Boleh Diakses Melalui Sistem Repositori Institusi Universiti



NO. PI	PI 24	PI 26
SASARAN	100,000	700
CAPAI	133,168	715

Bagi sasaran Petunjuk Prestasi Perpustakaan Digital, Perpustakaan Sultan Badlishah telah berjaya mencapai kedua-dua sasaran yang ditetapkan dengan pencapaian melebihi sasaran.


Impak Petunjuk Prestasi Perpustakaan Digital

	PETUNJUK PRESTASI	IMPAK
24.	Bilangan Pageview Portal Perpustakaan	Melambangkan penggunaan dan peranan perpustakaan digital sepanjang tahun 2021. Analisa PI ini dapat menggambarkan <i>information searching behavior</i> di kalangan warga UiTM secara umumnya.
26.	Bilangan Bahan Harta Intelek yang boleh diakses melalui system Repositori Institusi	1. Ketampakan UiTM di peringkat antarabangsa. 2. Kedudukan dalam Rangkaian Web of Repositories Worldwide. 3. Meningkatkan kualiti kertas kerja dan tugas pelajar.

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI ARKIB CAWANGAN

Penetapan petunjuk prestasi bagi Arkib Cawangan bagi tahun 2021 adalah sebanyak 6 Petunjuk Prestasi berbanding hanya 5 Petunjuk Prestasi pada tahun 2020. Berikut adalah 6 Petunjuk Prestasi yang telah ditetapkan bagi seluruh Perpustakaan UiTM Cawangan bagi tahun 2021.

- PI 31: Bilangan Penerimaan Rekod Penting Universiti
- PI 32: Bilangan Rekod Penting Universiti Yang Boleh Diakses Melalui Sistem Online Finding (OFA)
- PI 33: Bilangan Rujukan Bahan Arkib
- PI 36: Bilangan Konsultasi Pengguna Rekod Dan Arkib
- PI 37: Bilangan Pelupusan Rekod PTJ
- PI 38: Peratus Lantikan Pengurus Rekod PTJ



NO. PI	PI 31	PI 32	PI 33	PI 36	PI 37	PI 38
SASARAN	1000	500	200	20	4	25
CAPAI	1,004	986	205	54	5	26

Unit Arkib Cawangan Perpustakaan Sultan Badlishah telah berjaya mencapai kesemua sasaran bagi Petunjuk Prestasi yang telah ditetapkan dengan pencapaian 100% ke atas melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Perpustakaan Sultan Badlishah juga adalah satu-satunya perpustakaan cawangan yang telah berjaya mencapai kesemua Petunjuk Prestasi Arkib.

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI ARKIB CAWANGAN


Impak Petunjuk Prestasi Arkib Cawangan

	PETUNJUK PRESTASI	IMPAK
31.	Bilangan Penerimaan Rekod Penting Universiti	Ketampakan kepada jumlah rekod penting yang dihasilkan oleh universiti.
32.	Bilangan Rekod Penting Universiti yang boleh diakses melalui system OFA	1. Ketampakan terhadap rekod penting UiTM 2. Rujukan terhadap rekod penting UiTM (pembuat keputusan atau apa-apa keperluan)
33.	Bilangan Rujukan Bahan Arkib	1. Meningkatkan bilangan rujukan terhadap bahan Arkib 2. Membantu dalam pengkisahan sejarah
36.	Bilangan Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib	Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan rekod UiTM
37.	Bilangan Pelupusan Rekod PTJ	1. Pengurusan ruang-penggunaan ruang untuk rekod yang berstatus lupus 2. Pengurusan rekod yang cekap/tidak cekap
38.	Peratus Lantikan Pengurus Rekod PTJ	1. Pengurusan rekod yang efektif di UiTM 2. Pelaksanaan Dasar Pengurusan Rekod UiTM

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PENTADBIRAN PERPUSTAKAAN

Petunjuk Prestasi bagi Pentadbiran Perpustakaan UiTM Cawangan adalah sebanyak lima (5) sama seperti Petunjuk Prestasi tahun 2020. Berikut adalah Petunjuk Prestasi yang telah ditetapkan bagi tahun 2021:

- PI 39 : Peratus Staf Yang Mencapai Kepuasan Bekerja Di Perpustakaan UiTM
- PI 41 : Peratus Staf Menghadiri Minima 42 Jam Latihan Setahun
- PI 42 : Peratus Staf Yang Mengikuti Latihan Sangkut
- PI 43 : Bilangan Program PTAR yang menyokong SDG
- PI 47 : Peratus Pencapaian PI yang Menyokong Teras Strategik



NO. PI	PI 39	PI 41	PI 42	PI 43	PI 47
SASARAN	90%	22%	2	30	32
CAPAI	95%	22%	5	40	28

Rajah di atas menunjukkan empat (4) daripada lima (5) Petunjuk Prestasi telah berjaya dicapai. Berlaku peningkatan pencapaian bagi PI 39 iaitu peratus kepuasan bekerja staf perpustakaan bagi tahun 2021 berbanding tahun 2020 daripada 90% kepada 95%. Begitu juga telah berlaku lonjakan pencapaian bagi PI 42 iaitu peratus staf yang mengikuti Latihan sangkut sebanyak 9% pada tahun 2020 kepada 250% pada tahun 2021. Peningkatan turut dicapai bagi PI 47 iaitu peratus pencapaian petunjuk prestasi yang menyokong kepada teras strategik daripada 79% tahun 2020 kepada 87.50% pada tahun 2021.


PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI PENTADBIRAN PERPUSTAKAAN

Impak Petunjuk Prestasi Pentadbiran

	PETUNJUK PRESTASI	IMPAK
39.	Peratus Staf Yang Mencapai Kepuasan Bekerja Di Perpustakaan UiTM	1. Meningkatkan produktiviti staf 2. Meningkatkan prestasi perpustakaan
41.	Peratus Staf Menghadiri Minima 42 Jam Latihan Setahun	1. Meningkatkan kompetensi staf 2. Meningkatkan prestasi perpustakaan 3. Mengamalkan nilai iDART
42.	Peratus Staf Yang Mengikuti Latihan Sangkut	1. Meningkatkan kompetensi staf 2. Meningkatkan prestasi perpustakaan 3. Meningkatkan kecekapan bekerja staf (zero defect)
43.	Bilangan Program PTAR yang menyokong SDG	Menyumbang kepada pencapaian UiTM dalam penarafan <i>Time Higher Education Impact Ranking (THES)</i>
47.	Peratus Pencapaian PI yang Menyokong Teras Strategik	Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti

PENCAPAIAN KESELURUHAN PETUNJUK PRESTASI (PI) 2021


Pada tahun 2021 Perpustakaan Sultan Badlishah telah berjaya meningkatkan pencapaian petunjuk prestasi yang menyokong kepada teras strategik daripada 79% tahun 2020 kepada 87.50% pada tahun 2021. Rajah di bawah juga menunjukkan pencapaian dan kedudukan Perpustakaan Sultan Badlishah berbanding pencapaian perpustakaan seluruh cawangan bagi tahun 2021 dalam mencapai sasaran yang ditetapkan.



Sumber data EIS

PENCAPAIAN KESELURUHAN PETUNJUK PRESTASI (PI) 2021

Pencapaian Keseluruhan 2021 Mengikut Star Rating



6 BINTANG	5 BINTANG	4 BINTANG	3 BINTANG	2 BINTANG	1 BINTANG	0 BINTANG
85 – 100%	75 – 84%	65 – 74%	55 – 64%	45 – 54%	31 – 44%	0 – 30%
1	1	6	5	1	0	0

Perpustakaan Sultan Badlishah telah meningkatkan kedudukan star rating dari lima(5) bintang pada tahun 2020 kepada enam(6) bintang pada tahun 2021. Peningkatan ini adalah atas hasil inisiatif yang telah dirancang dan dilaksanakan dengan pemantauan secara mingguan.

Pencapaian ini juga telah memberi motivasi kepada seluruh staf Perpustakaan Sultan Badlishah untuk kekal melaksanakan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan perpustakaan.



PELAKSANAAN AKTIVITI PERKHIDMATAN 2021



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

MyFIRST STEP@Library 2021

Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memperkenalkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada pelajar baharu UiTM Cawangan Kedah selain meningkatkan jumlah pengunjung perpustakaan. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan budaya membaca di kalangan pelajar.

Program ini telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada 4 April hingga 15 April 2021 dan 20 Oktober hingga 25 November 2021. Golongan sasaran program ini adalah pelajar baharu UiTM Cawangan Kedah dan program ini dijalankan secara bersemuka di Perpustakaan Sultan Badlishah.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Beberapa aktiviti telah dijalankan bagi para pelajar seperti berikut:

- MyFirst STEP Booth
- Lucky STEP (Pinjam dan Menang)
- Semakan Akses Digital Service PTAR
- Bring Me Home
- Digital Help Desk (Digital Collection)
- Mai Download PTAR Apps

Setiap aktiviti dirancang bagi membolehkan peserta program untuk lebih memahami setiap perkhidmatan yang disediakan. Sesi penerangan berkumpulan turut dijalankan dan bimbingan secara hands-on juga dilaksanakan sepanjang program berjalan. Pelbagai hadiah telah disediakan bagi menarik minat para pelajar membuat pinjaman bahan-bahan bacaan yang disediakan oleh pihak perpustakaan.

Secara keseluruhan, program ini telah mencapai objektif yang ditetapkan walaupun program ini dilaksanakan semasa situasi pandemik. Kesemua pelajar yang menyertai program ini juga memberi kerjasama yang baik dengan mengikut langkah-langkah membendung penularan wabak Covid-19. Hasil dari maklumbalas yang diberikan, pihak perpustakaan akan terus membuat penambahbaikan dalam program akan datang.



MyFIRST STEP@Library
4 April – 15 April 2021

MyFIRST STEP@Library 2.0
20 Oktober – 25 November 2021

Peningkatan jumlah pengunjung fizikal dapat dilihat pada setiap kali program ini dilaksanakan.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Program Emotion Representation On Info Literacy: Mendeley

Perpustakaan Sultan Badlishah dengan Kerjasama Kelab INFORMA Fakulti Pengurusan Maklumat telah menganjurkan program Emotion Representation On Info Literacy: Mendeley melalui platform Webex. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Noor Azlin Abdullah dan dibantu oleh saudari Puteri Intan Jesmira binti Ibrahim selaku Moderator program.



Terdapat tiga(3) objektif utama telah dicapai melalui program ini iaitu:

- Membantu pelajar untuk mengawal emosi dalam situasi information explosion dengan aplikasi Mendeley dan mengenalpasti proses penyusunan bahan penulisan dan penyelidikan.
- Mendidik pelajar untuk bersikap rasional kepada era post-truth dan juga teknik mendapatkan maklumat dengan rujukan dan bahan yang tepat.
- Mendidik pelajar menggunakan perisian yang sesuai bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan lebih cekap dan berkesan serta mengenalpasti perisian untuk tujuan penyelidikan dan penulisan.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Library Outreach@Intellectual Discourse Bersama Fakulti

Program Library Outreach ini adalah satu inisiatif perpustakaan dalam mendekati pihak fakulti dalam menyebarkan luas serta berkongsi maklumat berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Di dalam program sebegini juga pihak perpustakaan akan mendapatkan maklumbalas kepuasan hati dari pihak fakulti berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan serta cadangan penambahbaikan untuk dibuat oleh pihak perpustakaan. Objektif program ini adalah bagi:



- Meningkatkan pengetahuan ahli akademik berkenaan bahan perpustakaan.
- Menyebarkan maklumat perkhidmatan perpustakaan.
- Membina jalinan mesra antara staf perpustakaan dan staf akademik.



Program ini telah dilaksanakan pada 9 September 2021 melalui medium GoogleMeet Bersama kakitangan Akademik Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Sains Komputer Dan Matematik, Fakulti Sains Pentadbiran Dan Pengajian Polisi dan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Pada 29 Ogos 2021 pula adalah Bersama Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Perakaunan.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

PRISMa: Uploading Publication

Program ini telah dilaksanakan pada 24 Februari 2021 dimana sasaran pesertanya adalah di kalangan kakitangan akademik UiTM Cawangan Kedah. Program telah dilaksanakan melalui medium Webex dan seramai 92 orang peserta telah menyertainya. Panel jemputan adalah En Mohd Ismail Abidin iaitu Timbalan Ketua Pustakawan PTAR Shah Alam & Pn Siti Rahayu Mohamad Yusof iaitu Pustakawan Kanan PTAR Shah Alam manakala Moderatornya adalah Pn Noor Azlin Abdullah, Pustakawan Kanan UiTM Cawangan Kedah.

Objektif program ini adalah bertujuan untuk:

- Meningkatkan pengetahuan pensyarah dalam pengisian maklumat penerbitan.
- Menyerlahkan ketampakan hasil penerbitan pensyarah.
- Memastikan pensyarah dapat mengisi hasil penerbitan mengikut tempoh yang ditetapkan bersama syarat serta dokumen yang ditetapkan.



Secara Kesimpulannya, program ini dapat membantu pensyarah atau penyelidik UiTM Cawangan Kedah memasukkan data penerbitan pada tahun semasa. Ini juga membolehkan pensyarah atau penyelidik mengetahui syarat serta keperluan sistem ini sendiri. Seterusnya, pensyarah atau penyelidik dapat memastikan rekod penerbitan mereka dapat diverifikasi dengan sempurna.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Program LibOutreach: Library@Kolej 2021

Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan satu program library outreach yang dinamakan sebagai LibOutreach: Library@Kolej pada 28 April 2021. Program LibOutreach: Library@Kolej ini merupakan satu pendekatan yang digunakan oleh pihak PSB sebagai wadah untuk mendekati para pelajar UiTM Cawangan Kedah.

Objektif penganjuran program ini adalah mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada para pelajar, dan mewujudkan kesedaran literasi maklumat kepada mereka, meningkatkan kesedaran para pelajar yang terlibat terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PSB dan menyediakan sesi konsultasi secara bersemuka.

Terdapat empat (4) fokus utama perkhidmatan sepanjang pelaksanaan program Library@Kolej ini iaitu (i) pinjaman bahan Perpustakaan (ii) konsultasi perkhidmatan digital perpustakaan (iii) konsultasi rujukan bahan arkib perpustakaan dan (iv) perkhidmatan rujukan daripada Pustakawan.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Program LibOutreach: Library@Kolej yang telah berlangsung selama lebih 2 jam bermula 2.30 petang sehingga 5.00 petang ini telah menerima kehadiran para pelajar yang sangat mengalakkan. Sesi ini turut memberi peluang kepada pihak PSB untuk mendapatkan maklumbalas secara terus daripada para pelajar yang telah hadir. Input-input yang diterima pastinya akan dapat membantu pihak PSB untuk melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan secara berterusan sejajar dengan peranan PSB untuk menyokong kepada pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di Kampus UiTM Cawangan Kedah.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Program Live@PTAR: Cakna Cukai : Bersama Mendepani Cabaran

Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk “Cakna Cukai : Bersama Mendepani Cabaran” bersama panel jemputan Puan Natasha Adnan, Pegawai Perhubungan Awam daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Sungai Petani. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Azizah Khasim, Ketua Perpustakaan, Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Cawangan Kedah selaku moderator program Live@PTAR. Program telah dilaksanakan pada 8 Mac 2021 melalui medium Youtube Live & Facebook Live Perpustakaan Sultan Badlishah. Sasaran peserta adalah di kalangan warga UiTM dan komuniti luar.

Live@PSB
BICARA BERSAMA
PEGAWAI LHDNM
CAW. SG. PETANI
8 Mac 2021 10.00pg - 12.00tgh
PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Puan Natasha Adnan
Pegawai Perhubungan Awam
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Cawangan Sungai Petani

Jam latihan akan diberikan

Cakna Cukai :
Bersama
Mendepani
Cabaran

Sebarang pertanyaan sila hubungi
04-4562236 / 04-4562229 (Unit Rujukan)

Perkongsian topik pada program bual bicara kali ini memberi fokus kepada penerangan berkaitan kepentingan cukai dan tanggungjawab masyarakat dalam membuat pengiraan cukai pendapatan. Panel jemputan telah menyampaikan pelbagai maklumat terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan pelepasan cukai. Pelbagai pertanyaan telah diajukan semasa program siaran langsung ini berjalan dan pihak panel telah memberikan jawapan dengan pendekatan yang mudah difahami oleh penonton.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan



Turut membincangkan kaedah penyimpanan rekod-rekod pembayaran cukai bagi memastikan tiada sebarang masalah berlaku sekiranya individu diminta untuk mengemukakan bukti kelayakan pelepasan cukai. Ini adalah untuk memastikan masyarakat lebih faham dan lebih bersedia pada masa akan datang.

Program bual bicara secara langsung berlangsung selama 2 jam dan mendapatkan respond yang menggalakkan dan sokongan agar program seumpama ini diteruskan di masa akan datang. Sepanjang program ini berlangsung, ia telah berjaya menarik 231 tontonan yang melibatkan peserta daripada warga UiTM Cawangan Kedah dan masyarakat awam.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Program Live@PTAR: Mencapai Titik Ikhlas Dalam Bekerja

Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk “Mencapai Titik Ikhlas Dalam Bekerja” bersama panel jemputan YBhg. Prof. Dr Mohamad Abdullah Hemdi, Rektor UiTM Cawangan Kedah dan juga YBhg. Ustazah Ts. Siti Fatahiyah Mahamood, Ketua Unit Kualiti, Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam. Program ini telah dikendalikan oleh YBrs. En. Azlan Abdul Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Kedah selaku moderator program Live@PTAR.

Sejajar dengan perubahan norma bekerja yang sedang berlaku, perkongsian topik pada program bual bicara kali ini memberi fokus kepada pengertian ikhlas dalam melaksanakan kerja dari sudut pandangan ketua jabatan dan juga dari sudut perspektif Islam itu sendiri. Para panel telah menghurai pandangan masing-masing.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Prof. Dr Mohamad Abdullah Hemdi, telah menghuraikan perkataan IKHLAS yang beliau definisikan merangkumi nilai integriti, khusyuk, hasilan, luhur, amanah, dan sejahtera. Beliau merungkai bagaimana nilai-nilai ini menjadi titik dalam mencapai keikhlasan dalam bekerja. Turut membincangkan cabaran seorang pekerja dalam situasi Pandemik COVID-19 yang sedang berlaku, Ustazah Ts. Siti Fatahiyah Mahamood mengatakan bahawa seseorang memerlukan hati dan fikiran intelektual yang kuat agar menjadi pencetus kepada keadaan yang positif.

Sepanjang program ini berlangsung, ia telah berjaya menarik 551 tontonan yang melibatkan peserta daripada warga UiTM dan orang awam. Program bual bicara secara langsung berlangsung selama hampir 2 jam dan mendapatkan respond yang menggalakkan dan sokongan agar program seumpama ini diteruskan di masa akan datang.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Program Live@PTAR: Asas Penulisan Artikel bersama Ketua Editor Journal Voice of Academia

Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk “Asas Penulisan Artikel bersama Ketua Editor Journal Voice of Academia (VOA)” bersama panel jemputan Dr Junaida Ismail, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi yang juga merupakan Ketua Editor Journal Voice of Academia (VOA) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Atirah Ruslan, Pustakawan Kanan Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Cawangan Kedah selaku moderator program Live@PTAR.

Perkongsian topik yang dipilih pada program bual bicara kali ini memberi fokus kepada asas penulisan artikel di kalangan warga pensyarah dan kakitangan pentadbiran UiTM Cawangan Kedah. Panel jemputan telah menerangkan teknik-teknik asas dan kriteria yang perlu dipenuhi oleh penulis untuk menyediakan satu hasil penulisan yang baik. Panel jemputan juga telah menjawab beberapa persoalan dari para penonton selain berkongsi beberapa tips peribadi berkaitan penulisan artikel sepanjang sesi secara langsung berjalan. Selain perbincangan berkaitan teknik asas penulisan, Dr Junaida Ismail juga berkongsi tentang proses-proses yang perlu bagi menerbitkan artikel di dalam Journal Voice of Academia (VOA). Sepanjang program ini berlangsung, ia telah berjaya menarik 225 tontonan.

Asas Penulisan Artikel bersama KETUA EDITOR JOURNAL VOICE OF ACADEMIA

TARIKH 29 September 2021 (Rabu) **MASA** 3.00 Petang - 5.00 Petang **Live Stream**

Panel Dr. Junaida Ismail, Ketua Editor Journal Voice of Academia

Moderator Puan Atirah Ruslan, Pustakawan Kanan Perpustakaan Sultan Badlishah

*Jam Latihan disediakan - link akan diberikan sebelum tamat program.

Menyebarkan Potensi Memberi Masa Hadapan

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Program Live@PTAR: Pengurusan Masa: Rasmi Vs. Peribadi

Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk “Pengurusan Masa: Rasmi vs. Peribadi” bersama panel jemputan YBhg. Prof. Madya Ts Dr Asmadi Mohammed Ghazali, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Kedah. Program ini telah dikendalikan oleh YBrs. En. Azlan Abdul Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Kedah selaku moderator program Live@PTAR.

Perkongsian topik pada program bual bicara kali ini memberi fokus kepada aspek pengurusan masa dalam kehidupan peribadi dan tugas di pejabat. Panel jemputan telah berkongsi tips dan pengalaman beliau dalam membahagikan masa diantara urusan rasmi dan peribadi.

Turut membincangkan cabaran seorang pekerja dalam membahagikan masa agar tidak melakukan urusan peribadi dalam tempoh waktu bekerja di pejabat, beberapa cadangan telah dikongsikan oleh panel jemputan kepada para peserta yang terlibat dalam sesi siaran langsung berkenaan. Program bual bicara secara langsung berlangsung selama 2 jam dan mendapatkan respond yang menggalakkan dan sokongan agar program seumpama ini diteruskan di masa akan datang. Sepanjang program ini berlangsung, ia telah berjaya menarik 257 tontonan yang melibatkan peserta daripada warga UiTM Cawangan Kedah dan masyarakat awam.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Taklimat Pengurusan Rekod dan Fail

Objektif program ini adalah untuk:

- Memberi taklimat berkenaan pengurusan rekod dan fail yang betul dan sistematik dan menggalakkan pelaksanaan/ amalan yang berkesan.
- Menyediakan satu platform kepada kakitangan untuk mendengar dan mendapatkan khidmat nasihat mengenai pengurusan rekod dan fail.
- Mempromosikan fungsi dan peranan JAU dan UAC kepada Kakitangan di UiTM Cawangan Kedah.




Panel jemputan
adalah Puan Azniza
Mohamad Nor,
Pegawai Arkib
Jabatan Arkib
Universiti (JAU),
Perpustakaan Tun
Abdul Razak, UiTM
Shah Alam.

Impak program ini dapat:

- Meningkatkan kefahaman yang lebih jelas mengenai tatacara pengurusan rekod dan fail di kalangan kakitangan pentadbiran terutamanya mereka yang bertanggungjawab ke atas pengurusan rekod dan fail di bahagian/unit masing-masing.
- Memberi kesedaran kepada kakitangan mengenai tanggungjawab untuk melupuskan rekod dan fail yang dibolehkan, kaedah yang bersesuaian dan apakah implikasi kepada bahagian/unit sekiranya aktiviti pelupusan tidak dilaksanakan dengan betul.
- Membolehkan pengumpulan rekod penting universiti dilaksanakan secara menyeluruh dan meningkatkan kesedaran kakitangan mengenai pembangunan OFA dan bagaimana ia berfungsi untuk memelihara dan memulihara rekod penting universiti.
- Meningkatkan kesedaran Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan mengenai tanggungjawab mereka dalam melaksanakan aktiviti pengurusan rekod dan fail.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan



Jumlah kehadiran peserta pada Taklimat Pengurusan Rekod dan Fail ini telah mencapai kepada 247 peserta yang terdiri daripada pelbagai bahagian/unit daripada seluruh sistem UiTM. 95.1% bersamaan 235 orang adalah merupakan kakitangan pentadbiran, manakala 4.9% (12 orang) adalah kakitangan akademik.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Aktiviti Pelupusan Rekod dan Fail

Objektif program ialah memberi konsultasi dengan melaksanakan pelupusan rekod-rekod di bahagian/unit dan memastikan rekod-rekod dilupuskan dengan kaedah bersesuaian seperti mana tertakluk kepada arahan Arkib Negara Malaysia.

Aktiviti pelupusan yang dijalankan pada 6 Disember 2021 melibatkan beberapa bahagian di UiTM Cawangan Kedah yang telah memohon pelupusan rekod dan fail kepada Unit Arkib Cawangan (UAC) Kampus Kedah sepanjang tahun 2021. Seterusnya pihak UAC akan melaksanakan penilaian dan pelupusan kepada pihak Arkib Negeri Kedah/Perlis, Alor Setar.

Setelah menerima kebenaran pelupusan daripada Arkib Negeri Kedah/Perlis, pihak UAC telah mengatur kontraktor pelupusan yang berdaftar dengan UiTM Cawangan Kedah untuk melaksanakan proses pelupusan seperti yang dibenarkan.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Bengkel Latihan Industri: Jangkaan dan Harapan Majikan

Pada 13 Januari 2021, Kelab Association of Library Management (ALIM) dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) telah menganjurkan Bengkel Latihan Industri. Bengkel ini diadakan sebagai persiapan awal untuk para pelajar semester 3 Diploma Pengurusan Perpustakaan (IM 120) UiTM Cawangan Kedah menjalani latihan industri.

Objektif program ini adalah:

- Menjadi salah satu platform persediaan untuk pelajar sebelum menjalani latihan industri.
- Mendedahkan pelajar tentang perkara yang mereka perlu lakukan ketika menjalani latihan industri.
- Memberi panduan mengenai etika, peraturan dan tata tertib harian di organisasi.
- Membina keyakinan dan semangat kepada pelajar untuk menempuh alam pekerjaan.
- Membuka minda pelajar mengenai kepentingan persediaan untuk menjalani latihan industri.

Bersama :

PN. AZIZAH KHASIM
Timbalan Ketua Pustakawan
PSB UiTM Kedah

PN. ANIS FARADELLA
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kedah

BENGKEL LATIHAN INDUSTRI
JANGKAAN DAN HARAPAN MAJIKAN

TARIKH : 13 JANUARI 2021
HARI : RABU
MASA : 10.30 a.m. - 12.30 p.m.
MEDIUM : GOOGLE MEET

PELAJAR SEMESTER 3 IM120
DIWAJIBKAN HADIR

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Pencapaian Dalam Annual Quality Environment Challenge(AQEC) 2021

Perpustakaan Sultan Badlishah telah menyertai Annual Quality Environment Challenge (AQEC) 2021 anjuran Malaysian Productivity Corporation(MPC) pada 28 Julai 2021. Terdapat 18 organisasi awam dan swasta yang telah menyertai pertandingan ini. PSB telah berjaya memperolehi dua(2) anugerah iaitu Anugerah EMAS dan Sustainability Award.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH


Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Lawatan Penandaaras Jabatan Penerangan Negeri Kedah

Perpustakaan Sultan Badlishah telah menerima lawatan penandaaras dari Jabatan Penerangan Negeri Kedah pada 1 Disember 2021.

PSB telah dipilih sebagai lokasi hasil cadangan dari pihak Malaysian Productivity Corporation(MPC) Wilayah Utara berdasarkan kepada Pensijilan Amalan Persekitaran QE/55 yang telah dimiliki oleh Perpustakaan Sultan Badlishah selama 8 tahun.

Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat dan berkongsi ilmu berkaitan pengurusan rekod dan fail di perpustakaan serta melihat pengurusan perpustakaan secara keseluruhannya. Peserta lawatan juga melihat dan berkongsi maklumat berkaitan aktiviti QE/55 serta projek-projek inovasi yang telah dilaksanakan di PSB.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Lawatan Penandaaras Pusat Sumber Kolej Vokasional Sungai Petani 1 & 2

Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menerima lawatan penandaarasan dari Pusat Sumber Kolej Vokasional Sungai Petani 1&2 pada 14 Disember 2021. Lawatan ini bertujuan untuk melihat perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak Perpustakaan Sultan Badlishah serta berkongsi pendapat dalam memberikan perkhidmatan kepada para pengguna. Seramai 10 orang wakil dari Pusat Sumber Kolej Vokasional Sungai Petani 1&2 telah turut serta dalam lawatan ini.

Sesi taklimat pengenalan latar belakang perpustakaan telah disampaikan oleh Ketua Perpustakaan, Puan Azizah Khasim. Selain sesi taklimat berkenaan, pelawat juga telah dibawa melihat persekitaran perpustakaan bagi melihat sendiri kemudahan yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Sesi lawatan ini turut dibantu oleh Puan Noor Azlin, Pustakawan kanan serta Encik Shazmie Huzni Mohd Sidik, Pembantu Pustakawan Kanan. Lawatan yang bermula pada jam 10.00 pagi itu telah tamat pada jam 12.00 tengah hari dan diakhiri dengan sesi bergambar bersama semua warga Perpustakaan Sultan Badlishah.



PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Audit Pensijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5



Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah berjaya memperolehi Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti QE/55 sejak tahun 2014. Oleh itu, pada 16 Disember 2021 pihak perpustakaan sekali lagi telah menerima lawatan daripada pihak MPC Wilayah Utara bagi audit pensijilan semula Amalan Persekitaran Berkualiti QE/55 bagi kali ke-8. Pihak MPC telah diwakili oleh En. Ahmad Fathan Abdul Rahim sebagai Ketua Auditor pada sesi audit kali ini.

Sesi audit telah dimulakan dengan taklimat pelaksanaan QE/55 sepanjang tahun 2021 oleh Ketua Perpustakaan dan seterusnya sesi semakan dokumen telah dibuat oleh para auditor. Sesi audit persekitaran turut dijalankan merangkumi keseluruhan kawasan dan bangunan perpustakaan. Perjalanan audit berjalan dengan baik sepanjang hampir 3 jam dan sesi penutupan audit telah dijalankan pada jam 1.00 petang. Secara keseluruhannya, pihak auditor sangat berpuas hati dengan Amalan Persekitaran Berkualiti QE/55 yang dilaksanakan oleh pihak perpustakaan dan turut menyokong bagi Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti QE/55 bagi tahun 2022.

PELAKSANAAN AKTIVITI 2021 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

Pensijilan Amalan Persekitaran QE/5S Kali Ke 8



Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah berjaya mengekalkan Sijil Pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti buat kali ke-8 dan turut berjaya mencapai 3 BINTANG daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Pensijilan semula ini adalah bagi tempoh 16 November 2021 sehingga 19 November 2022.



PORTFOLIO





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Sultan Badlishah
Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH LAPORAN TAHUNAN 2021



eISSN 2811-3861